

ACD - 1148

CLOSED STACKS

INV NO.

PROSES PEMBUDAYAAN

MASYARAKAT MELAYU PULAU TUBA,

LANGKAWI

oleh

ZAMRE BIN ABU HASSAN

PERPUSTAKAAN UNIVERSITI MALAYA

Disertasi Untuk Memenuhi Keperluan
Ijazah Sarjana Sastera
Jabatan Pengajian Melayu
Universiti Malaya
Kuala Lumpur

Perpustakaan Universiti Malaya



A506431730



Dedikasi buat,

*Mak, ayah, kakak
dan adik-adik.
serta,*

Yatie

PENGHARGAAN

*Kepada Allah dipanjatkan
Segala puji dan kepada RasulNya
diaturkan selawat dan salam*

Dengan iringan rasa kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T di atas limpahan rahmat, taufik dan hidayatNya akhirnya disertasi ini dapat disiapkan.

Dalam kesempatan ini, penghargaan dihulurkan kepada Prof. Madya Dr. Yaacob Harun, penyelia yang menyumbang kepakaran dalam menyiapkan disertasi ini. Ucapan terima kasih juga diutuskan kepada semua tenaga akademik di Jabatan Pengajian Melayu, terutama kepada Prof. Dr. Wan Abdul Kadir, Prof. Madya Dr. Hashim Awang, Prof. Madya Dr. Norazit Selat, Prof. Madya Ku Zam Zam, Prof. Madya Dr. Yap Beng Liang dan Encik Zainal Abidin Borhan kerana dorongan, kepercayaan dan gesaan supaya disertasi ini disiapkan. Akhir sekali terima kasih diucapkan kepada Penduduk-penduduk Pulau Tuba, Encik Noor Hisyam Osman, Puan Haslina dan Puan Sadiah serta rakan-rakan seperjuangan yang telah banyak menyumbangkan tenaga dalam menyiapkan disertasi ini.

Akhirnya dipohon keampunan dari Allah S.W.T.
dan hanya Dia yang layak memberi ganjaran di atas segala
bantuan yang telah dihulurkan.

*Pulau Bentan Pulau Daik
Merou bertaut nampak berkilau
Kalan asal benih yang baik
Jatuh ke laut menjadi Pulau*

*Zamre bin Abu Hassan
Jabatan Pengajian Melayu
Universiti Malaya
Kuala Lumpur*

17 Jun 1996.

SINOPSIS

Tulisan ini membicarakan kajian mengenai pertumbuhan dan perkembangan anak-anak dalam sistem sosial masyarakat Melayu Pulau Tuba, Langkawi, Kedah. Analisis dilakukan terhadap perkembangan sosial dan proses pembudayaan yang berkaitan dengan penurunan dan penerimaan peranan sosial, iaitu meliputi fungsi keluarga dan peranan ibu bapa menyalurkan pengetahuan dan kemahiran, pembentukan moral, nilai dan kepercayaan kepada anak-anak, di samping proses anak-anak menerima dan menghayati unsur-unsur tersebut di sepanjang peringkat pertumbuhan dan perkembangannya di dalam keluarga orientasi.

Tulisan ini mengandungi enam bab dan tiga bab daripadanya, iaitu bab tiga, empat dan lima merupakan bab yang membincangkan masalah pokok tentang proses pembudayaan dalam keluarga Melayu di Pulau Tuba. Bab-bab yang lain itu saling berkaitan dalam menjelas dan merumuskan keseluruhan bahan kajian.

Bab satu merupakan latar belakang kajian. Bahagian ini memuatkan permasalahan, objektif, tumpuan dan batasan kajian. Bab ini juga mengemukakan rangka teori dan konsep yang berkaitan dengan perkembangan dan

pembudayaan, kaedah penyelidikan yang digunakan dan kajian-kajian lampau yang berkaitan dengan keluarga dan proses pembudayaan.

Bab dua memaparkan gambaran umum tentang latar belakang etnografi Pulau Tuba. Tumpuan perbincangan meliputi lokasi, sejarah, kependudukan, kemudahan asas dan pendidikan, di samping memberi kefahaman mengenai organisasi keluarga, organisasi ekonomi dan organisasi sosial.

Bab tiga membicarakan tiga perkara iaitu; menghuraikan tentang proses pertumbuhan dan perkembangan anak dalam kandungan dan kelahiran anak serta amalan, kegiatan dan upacara yang berlangsung di sepanjang proses tersebut. Kedua, penghuraian tentang nilai-nilai asas yang menjadi cita-cita dan harapan keluarga dan masyarakat Melayu di Pulau Tuba untuk dipupuk dan diterap kepada anak-anak. Turut ditinjau ialah berkenaan kepentingan anak dalam keluarga.

Bab empat mengkhusus tentang peringkat hidup semasa budak. Bab ini menghuraikan perkembangan dan perubahan sosial yang berlaku pada peringkat budak. Ia meliputi norma sosial yang diterima oleh anak-anak dalam situasi interaksi yang berbeza iaitu hubungan dengan ibu bapa, saudara kandung, saudara mara dan hubungan dengan

masyarakat. Turut dibincangkan ialah peranan keluarga dalam mengorientasi tingkah laku anak-anak iaitu melibatkan aspek kepatuhan, kemanjaan, kawalan dan hukuman.

Bab lima menjelaskan status remaja Melayu dalam sistem sosial masyarakat Melayu di Pulau Tuba. Remaja dilihat sebagai satu fenomena budaya yang mewujudkan cara hidupnya sendiri meliputi peranan dan tanggungjawab mereka dalam keluarga dan masyarakat. Turut ditinjau ialah jangkaan dan harapan keluarga dan masyarakat terhadap anak remaja, tanggapan anak remaja terhadap diri sendiri serta corak pembudayaan yang diterima pada peringkat ini.

Bab enam adalah penutup dan rumusan bagi kajian ini.

SENARAI JADUAL

- Jadual 2.1 : Bilangan Rumah Tangga Mengikut Kampung Tahun 1992
- Jadual 2.2 : Taburan Responden Mengikut Umur dan Jantina
- Jadual 2.3 : Taraf Pendidikan Responden Tahun 1992
- Jadual 2.4 : Jenis Pekerjaan Responden
- Jadual 2.5 : Pendapatan Responden
- Jadual 2.6 : Bentuk Keluarga dan Bilangan bagi 73 Responden
- Jadual 2.7 : Saiz Isi Rumah Responden Tahun 1992
- Jadual 2.8 : Bekalan Air Di Kalangan Responden
- Jadual 2.9 : Bekalan Elektrik Di Kalangan Responden
- Jadual 2.10 : Jenis Tandas Di Kalangan Responden
- Jadual 2.11 : Kemudahan-kemudahan Yang Terdapat di Pulau Tuba Mengikut Kampung Tahun 1992
- Jadual 2.12 : Bilangan Pelajar Sekolah Kebangsaan Pulau Tuba Mengikut Darjah dan Jantina dari Tahun 1990-1992
- Jadual 2.13 : Status Pendidikan Anak-anak Responden Mengikut Jantina Tahun 1992
- Jadual 2.14 : Anak-Anak Responden yang Masih Bersekolah Mengikut Peringkat Persekolahan dan Jantina Tahun 1992
- Jadual 2.15 : Bilangan Ketua Keluarga Nelayan Mengikut Status Tahun 1992
- Jadual 2.16 : Pemilikan Bot Penangkap Ikan Kalangan Ketua Keluarga Responden Tahun 1992
- Jadual 3.1 : Kelahiran Anak di Pulau Tuba Berdasarkan Pecahan Mengikut Kampung dan Jantina pada Tahun 1990 dan 1991

Jadual 4.1 : Jumlah Murid Taman Bimbingan Kanak-Kanak
Kampung Tuba Mengikut Jantina Bagi Tahun
1990 dan 1991

Jadual 4.2 : Jadual Aktiviti Taman Bimbingan Kanak-
Kanak Kampung Tuba Tahun 1992

SENARAI PETA

Peta 2.1 : Langkawi

Peta 2.2 : Pulau Tuba

Peta 2.3 : Kawasan Kajian

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran 1 : Lirik Lagu Berendoi

Lampiran 2 : Minit Mesyuarat Agong PIBG
Sekolah Kebangsaan Pulau Tuba
1990/91, Kali Ke-10

KANDUNGAN

	Halaman
Penghargaan	i
Sinopsis	iii
Senarai Jadual	vi
Senarai Peta	viii
Senarai Lampiran	ix
Kandungan	x
BAB 1 : PENGENALAN	1
1.1.1 Pendahuluan	1
1.1.2 Permasalahan Kajian	4
1.1.3 Objektif Kajian	7
1.1.4 Bidang Kajian	7
1.1.5 Kepentingan Kajian	8
1.1.6 Metodologi Penyelidikan	8
1.1.7 Masalah-masalah yang Dihadapi	10
1.2.1 Konsep Keluarga	11
1.2.2 Fungsi Keluarga	12
1.2.3 Konsep Pertumbuhan dan Perkembangan	15
1.2.4 Konsep Pembudayaan	16
1.3 Keluarga dan Proses Pembudayaan	25
1.4 Kajian Tentang Proses Pembudayaan dalam Masyarakat Melayu	30

BAB 2 : PROFIL PULAU TUBA	34
2.1 Pendahuluan	34
2.2 Lokasi Kawasan Kajian	34
2.2.1 Langkawi	34
2.2.2 Pulau Tuba	37
2.3 Sejarah Pulau Tuba	42
2.4 Kependudukan	45
2.5 Kemudahan Asas	50
2.5.1 Bekalan Air	51
2.5.2 Bekalan Elektrik	53
2.5.3 Sistem Pembuangan Najis	54
2.5.4 Kemudahan-kemudahan Lain	55
2.6 Struktur dan Organisasi Sosial	57
2.7 Pendidikan Formal	61
2.8 Organisasi Ekonomi	65
2.9 Struktur dan Organisasi Keluarga	78
2.9.1 Hubungan Sosial dalam Keluarga	82
2.9.2 Hubungan Keluarga dengan Saudara Mara	86
BAB 3 : KEHAMILAN, KELAHIRAN DAN UPACARA LINGKARAN HIDUP	90
3.1 Pendahuluan	90
3.2 Kepentingan Anak dalam Keluarga Melayu Di Pulau Tuba	90
3.3 Mengandung	99
3.4 Mandi Tian	105

Halaman

3.5	Menyambut Budak	106
3.6	Upacara Kerat Pusat	110
3.7	Upacara Menanam Uri	111
3.8	Upacara Sambut Lampin	112
3.9	Upacara Belah Mulut	113
3.10	Upacara Cukur Rambut	114
3.11	Adat Berpantang Selepas Bersalin	118
3.12	Pemberian Nama Anak	120
BAB 4 : PROSES PEMBUDAYAAN DI PERINGKAT BUDAK		123
4.1	Pendahuluan	123
4.2	Peringkat Perkembangan Sosial (Budak)	126
4.3	Pendidikan Sekular Moden	147
4.4	Pendidikan Agama	151
4.5	Pembudayaan dalam Keluarga Orientasi	154
4.5.1	Latihan Tabiat	163
4.5.2	Kemanjaan	167
4.5.3	Kawalan dan Hukuman	171
4.6	Hubungan dengan Saudara Kandung	176
4.7	Hubungan dengan Saudara Mara	182
4.8	Peranan Datuk dan Nenek	183
BAB 5 : PERINGKAT REMAJA		188
5.1	Pendahuluan	188
5.2	Baligh	189
5.3	Status Remaja Melayu	194

Halaman

5.4	Pembudayaan dalam Keluarga Orientasi	206
5.5	Komunikasi dalam Keluarga	224
BAB 6 : PENUTUP DAN RUMUSAN		235
RUJUKAN		246
LAMPIRAN		